

WANITA HANTAR SENARAI CALON

KUALA LUMPUR, Ahad — Wanita UMNO telah mengemukakan senarai calon pergerakan itu yang layak dipilih bertanding dalam pilihanraya pada 22 April ini kepada presiden parti, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Ketuanya, Datin Paduka Hajjah Aishah Ghani menyatakan hari ini senarai yang sama

diserahkan juga kepada Datuk Musa Hitam.

Senarai itu tambahannya, mengandungi 200 nama dan 40 peratus darinya terdiri dari calon baru.

Berucap merasmikan mesyuarat agung cawangan UMNO Jalan Menteri di sini, beliau menjelaskan senarai nama yang panjang itu menunjukkan Wanita UMNO juga mempunyai ahli-ahli yang berkemampuan menjadi

pemimpin.

Beliau yang juga Menteri Kebajikan Am berkata, senarai itu dibuat selepas menerima syor dari Jawatankuasa Perhubungan Wanita UMNO di peringkat negeri.

Mengenal tawaran kepada PAS untuk menyertai Barisan Nasional, Ketua Pergerakan Wanita itu berharap PAS akan menerimanya.

Diminta mengulas

laporan bahawa PAS akan mengemukakan calon wanitanya dalam pilihanraya ini, Datin Paduka Hajjah Aishah berkata, ia akan menguntungkan Wanita UMNO sekiranya berita itu benar.

Selama ini PAS menyekat wanita dari terlibat secara aktif dalam politik.

Beliau juga berharap, Presiden Abim, Encik Anwar Ibrahim akan menerima bertanding atas tiket BN dalam pilihanraya kelak kerana seperti ayahnya, Anwar selama ini adalah ahli UMNO.

Menguntungkan

"Sekiranya beliau menerima tawaran tersebut mungkin kerana beliau menerima apa yang dilakukan oleh pentadbiran 2M," tambahnya.

Datin Paduka Aishah juga menyeru ahli UMNO memilih ketua-ketua mereka yang bersih, cekap dan amanah, kerana ketua yang sedemikian sahaja dapat berkhidmat kepada rakyat.

Beliau menggesa ahli-ahli UMNO bekerja keras memenangi undi orang Melayu, tanpa mengira calon, asalkan calon BN.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

No. Siri 2505
No. Penerimaan 249/85